



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	STATUS	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pelaksana	N19	Tetap	1	RM1,352.00 – RM4,003.00

JAWATAN 1 : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) , GRED N19

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
(d) Gred Jawatan : N19
2. Jadual Gaji
- | | |
|-------------------------------|------------|
| : Minima | RM1,352.00 |
| : Maksimum | RM4,003.00 |
| : Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | RM 100.00 |
| : Elaun Tetap Perumahan | RM 300.00 |
| : Elaun Tetap Khidmat Awam | RM 115.00 |
| : Elaun Sara Hidup | RM 200.00 |
3. Syarat Lantikan 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00) atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80)
4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuastra Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan :
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

6. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
7. Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
8. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil persekolahan (diakui salinan sah), kad pengenalan, dokumen-dokumen sokongan dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TAKZIM**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 JANUARI 2020 (KHAMIS)

9. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

(SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 31 Disember 2019

